

ALOR SETAR, 9 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN KERAJAAN AKAN TERUS MENYEKAT KEMASUKAN BERAS DARI LUAR BAGI MEMPOLEHKAN PARA PENANAM PADI TEMPATAN MENJUAL BERAS DI PASARAN TERTUTUP DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA SEKATAN KE ATAS KEMASUKAN BERAS DARI NEGERI THAI, CHINA, INDONESIA DAN BANGLADESH AKAN DITERUSKAN SEKALIPUN KERAJAAN MENANGGUNG KERUGIAN DARI SEGI CUKAI IMPORT BERIKUTAN LANGKAH TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN KERAJAAN AKAN TERUS MENITIK-BERATKAN KEPENTINGAN PENANAM-PENANAM PADI DI LUAR BANDAR HINGGA MENJADI KENYATAAN BAHAWA PENDAPATAN MEREKA LEBIH LUMAYAN DARI DI MASA-MASA LALU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI PERUCAP DEMIKIAN DI MAJLIS PENYERAHAN JENTERA-JENTERA PERTANIAN DAN BAJA ADI DI KOMPLEKS GERAKTANI MADA KOBAS, 16 BATU DARI SINI HARI INI.

MENURUTNYA, KERAJAAN SEDANG BERUSAHA MENAMBAH PENGELUARAN PADI DI SAMPING MENGURANGKAN KOS PENGELUARAN PADI MENJAMIN PENANAM PADI MEMPEROLEH PENDAPATAN YANG BERLIPATGANDA. -- BERSAMBUNG MAHATHIR-PETANI 2 ALOR SETAR

MATLAMAT KERAJAAN IALAH UNTUK MENOLONG PENANAM PADI MENGURANGKAN PERBELANJAAN SEMASA MENERJAKAN PENDANG MASING-MASING DI SAMPING MENAMBAH HASIL PENGELUARAN AGAR KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI MENINGKAT BERLIPATGANDA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMPERITAHU BAHAWA BELIAU TELAH MENGARAHKAN LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) MEMPERKENALKAN TANAMAN PADI SECARA TAPUR SAHAJA TANPA MENGGUNAKAN PETAK SEMAIAN DENGAN TJUAN MENGURANGKAN TELANJA MENGUPAH PEKERJA.

BELIAU MENYATAKAN SEJAK TANAMAN PADI SECARA BERELOMPOK DILAKSANAKAN DI KAMPUNG ASSAM JAWA TAHUN LALU, HASIL PENGELUARAN SAWAH DI SITU TELAH MENINGKAT SETANYAK 10 QERATUS DAN DI JAWI ENDOI, PERLIS HASIL PADI MENINGKAT SEDANYAK 37 PERATUS SEJAK TANAMAN CARA ITU DILANCARKAN.

MENGENAI QARGA PADI, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MEMANG BENAR PARA PENANAM PADI AKAN MENDAPAT KEUNTUNGAN LEBIH BESAR JIKA KERAJAAN MENAIKKAN HARGA BAHAN TERSEBUT.

+TETAPI HARGA BERAS JUGA AKAN TURUT MELAMBUNG DAN AKIBATNYA SERAMAI 13.5 JUTA RAKYAT NEGARA INI, TERMASUK MEREKA YANG MISKIN DAN BERPENDAPATAN RENDAH, AKAN MENDURITA MANAKALA KEUNTUNGAN BESAR AKAN HANYA DINIKMATI OLEH 500,000 ORANG PENANAM PADI SAHAJA,+ UJARNYA. -- BERSAMBUNG 1645/1E

B552

MAHATHIR- PETANI 3 ALOR SETAR

BELIAU BERKATA, HARGA SEBENARNYA TELAH PUN DINAikkan DARIN \$16 SEPIKUL DALAM TAHUN 1967 KEPADA \$32 SEPIKUL SEKARANG, TIDAK TERMASUK HARGA SABSIDI RAJA SEBANYAK \$3 BAGI SEPIKUL PADI. RAMAI PENANAM PADI TIDAK SEDAR PAHAWA HARGA PADI SEKARANG SEBENARNYA IALAH \$35 SEPIKUL.

BELIAU MENINGATKAN PENANAM-PENANAM PADI SUPAYA JANGAN MELAKUKAN SEBARANG TINDAKAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN DI LUAR LUNAS-UNDANG-UNDANG DALAM MENYARAKAN PERMINTAAN MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMTERI AMARAN PAHAWA TINDAKAN LIAR SEPERTI MEMECAHKAN CERMIN BANGUJAN KERAJAAN SEMATA-MATA UNTUK MENDESAK KERAJAAN MENAikkan HARGA PADI AKAN HANYA MENJEJASKAN NAMA PAIK MEREK SENDIRI.

TERDAHULU DARI ITU, MENTERI BESAR KEDAH DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN PERKATA, SEJAK TANAMAN PADI DUA KALI SETAHUN DILAKSANAKAN DI KAWASAN MADA, PENGELUARAN PADI TELAH MENINGKAT DARI 314,000 TAN KEPADA 800,000 TAN SETAHUN DAN SERENTAK DENGAN ITU PENDAPATAN PENANAM PADI JUGA TELAH MENINGKAT.
— PERSAMBUNG 1653/1B

B553

MAHATHIR -PETANI 4 ALOR SETAR

MENURUT KAJIAN YANG DIJALANKAN OLEH MADA, PENDAPATAN PURATA SETIAP KELUARGA PENANAM PADI TELAH MENINGKAT DARI \$1,026 DALAM TAHUN 1966 KEPADA \$2,162 DALAM TAHUN 1972/1973, \$4,961 DALAM TAHUN 1975 DAN \$5,202 PADA TAHUN 1978/1979.

DENGAN HASIL YANG MENINGKAT DAN PENDAPATAN PENANAM PADI YANG BERTAMBAH ITU NILAI SAWAH JUGA TURUT NAIK IAITU DARI \$800 SELEELUNG SEBELUM RANCANGAN PENGAIRAN MUDA DILAKSANAKAN KEPADA \$5,000 SERELUNG SEKARANG.

SEMENTARA KAWASAN SAWAH YANG BERHAMPIRAN DENGAN BANDAR ATAU KAWASAN PEMBANGUNAN PULA NILAINYA MENINGKAT ERPULUH KALI GANDA, UJARNYA.

KATANYA, DISAMPING ITU KERAJAAN JUGA TELAH MEMBEKALKAN JENTERA PEMBAJAK BERNILAI \$1.113 JUTA DAN JENTERA TUAI BERHARGA SEJUMLAH \$1.6 JUTA KEPADA PERSATUAN-PERSATUAN PELADANG MADA. — BERNAMA